

Tiga rumpun mahu dengar penjelasan Datuk-Datuk

Oleh BUSTAMAM AHMAD ^{23/3/87}

SEREMBAN, Ahad — Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi meminta supaya diadakan dialog antara mereka dengan Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong dalam usaha mencari penyelesaian terhadap krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Mereka berpendapat dialog itu hendaklah juga dihadiri oleh Waris-Waris Nan Tertua daripada kedua-dua Cerak Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

Jurucakap mereka berkata dialog itu bertujuan membolehkan anak-anak Waris daripada tiga Rumpun berkenaan mendapat penjelasan mengenai kedudukan sebenar mereka di segi aturan adat.

"Ia bukan mahu mencari kesalahan sebarang pihak tetapi sebaliknya bagi memberi penjelasan mengenai maksud sebenar Waris Lingkungan yang dikatakan tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana.

"Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong yang diketuai oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin hendaklah menerangkan kepada kami siapakah sebenarnya yang dimaksudkan sebagai Waris Lingkungan itu.

"Ini penting kerana selama ini kami mendengar ada pihak-pihak tertentu yang menggelar anak-anak Waris Perut Ulu daripada ketiga-tiga Rumpun ini sebagai Waris Lingkungan," katanya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Menurutnya, dialog itu hendaklah dipengerusikan oleh Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad selaras dengan kedudukannya sebagai pemimpin Kerajaan Negeri Sembilan dan ahli *ex-officio* Dewan Keadilan dan Undang Negeri.

Mereka berpendapat ini adalah langkah yang paling sesuai sekali ke arah mencari penyelesaian terhadap krisis yang berlarutan lebih tiga tahun itu.

Beliau menambah satu lagi cara ke arah mencari penyelesaian terhadap krisis itu ialah supaya Datuk Andika Mendelika Fadzil selaku Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong mengumumkan isi kandungan Terombo Sungai Ujong.

Jurucakap itu berkata pihaknya kesal kerana Datuk Andika Mendelika Fadzil selama ini enggan berbuat demikian dengan alasan bahawa 'terombo' berkenaan kononnya adalah menjadi rahsia rasmi kerajaan.

"Dalam adat, tidak ada apa yang dipanggil rahsia rasmi kerana semua perkara sepatutnya dibincangkan bersama kerana adat mementingkan kata muafakat.

"Dengan itu pihak media massa tidak sepatutnya ragu-ragu untuk menyiarkan Terombo Adat Luak Sungai Ujong kerana ia bukannya rahsia rasmi kerajaan tetapi sebenarnya adalah perlembagaan yang perlu diumumkan kepada semua anak Waris," jelasnya.